

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2012/2013**

**NAMA KURSUS : ASAS PENGURUSAN DATA**  
**KOD KURSUS : BBR 23303**  
**PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
SEKOLAH RENDAH**  
**TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2013**  
**JANGKA MASA : 3 JAM**  
**ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) MUKA SURAT**

**SULIT**

S1 Berikan perbezaan di antara setiap perkara yang disenaraikan di bawah. Seterusnya berikan satu contoh yang sesuai bagi setiap perkara tersebut.

- (a) Pembolehubah kuantitatif dan pembolehubah kualitatif. (4 markah)
- (b) Pembolehubah diskret dan pembolehubah selanjar. (4 markah)
- (c) Data terkumpul dan data tak terkumpul. (4 markah)
- (d) Pembolehubah nominal dan pembolehubah ordinal. (4 markah)
- (e) Skala sela dan skala nisbah. (4 markah)

S2 Jadual S2 di bawah adalah keuntungan tahunan (dalam juta RM) bagi tempoh 11 tahun.

Jadual S2

Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Untung	12.0	15.0	18.0	21.0	21.5	21.6	21.5	21.0	18.0	15.0	12.0

- (a) Hitungkan min, median, dan mod. (3 markah)
- (b) Hitungkan julat, varians, dan sisihan piawai. (5 markah)
- (c) Cari skor-z dan skor-t untuk keuntungan yang bernilai RM21.0 juta. (7 markah)
- (d) Terangkan bentuk/taburan data. (5 markah)

- S3 Seorang guru ingin mengetahui keberkesanan kaedah pengajaran baru dalam matematik di sebuah sekolah rendah. Kaedah pengajaran tersebut telah dilaksanakan terhadap 85 orang murid. Bagi tujuan penilaian, satu ujian telah dilakukan. Berikut adalah taburan markah ujian yang diperolehi oleh 85 orang murid tersebut:

25 63 82 71 12 57 63 54 19 70 45 70  
 44 43 25 42 40 70 63 62 83 23 81 70  
 58 31 32 28 48 63 62 59 38 35 37 38  
 17 23 0 96 81 72 18 93 2 15 60 71  
 82 18 27 58 50 52 53 89 19 23 72 58  
 37 33 30 46 81 73 75 63 65 53 35 20  
 76 50 52 64 71 3 47 61 62 44 53 38  
 90

Dengan menganggap markah 35 sebagai sempadan bawah untuk kelas pertama;

- Binakan jadual kekerapan longgokan dengan menggunakan sela kelas yang sesuai. (10 markah)
- Dengan menggunakan kertas graf, lukis satu histogram dan poligon kekerapan. (10 markah)

- S4 Jadual S4 di bawah menunjukkan peratus (%) pelajar yang mengikuti bidang pengajian masing-masing bagi tahun pengajian 1980 dan 2000.

Jadual S4

Bidang Pengajian	1980(%)	2000(%)
Kesihatan	55.0	58.0
Pendidikan	30.0	32.0
Kejuruteraan	5.0	4.0
Ekonomi & Perniagaan	10.0	6.0

- Nyatakan jenis carta palang yang sesuai untuk data ini dan lukiskan dengan lengkap carta palang tersebut. (10 markah)
- Buatkan perbandingan dan berikan kesimpulan terhadap bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar tersebut di antara dua tahun itu. (10 markah)

- S5 (a) Taburan markah yang diperolehi oleh 10 orang murid tahun 6 SK Parit Bunga Muar adalah seperti berikut:

68, 64, 60, 80, 78, 82, 64, 58, 70, 74

- (i) Cari min, mod dan median (5 markah)
- (ii) Gunakan alasan dan keterangan yang munasabah bagi menyatakan sukatan kecenderungan memusat yang sesuai digunakan untuk mewakili markah pelajar itu. (5 markah)
- (b) Jadual S5 di bawah menunjukkan markah bagi dua orang murid dalam lima ujian.

Jadual S5

Murid	Markah
A	51, 46, 39, 64, 70
B	48, 34, 56, 75, 57

- (i) Cari min dan sisihan piawai bagi markah murid A dan B. (4 markah)
- (ii) Bandingkan dan komen tentang prestasi kedua-dua orang murid itu. (6 markah)

S6 Jadual S6 berikut menunjukkan Taburan Kekerapan Longgokan berat 50 orang pelajar.

Jadual S6

Berat (kg)	Kekerapan Longgokan
Kurang daripada 35	0
Kurang daripada 40	3
Kurang daripada 45	12
Kurang daripada 50	33
Kurang daripada 55	46
Kurang daripada 60	50

- Cari min, mod dan median. Seterusnya nyatakan jenis taburan bagi data ini. (6 markah)
- Cari Sukuan Pertama ( $Q_1$ ), Sukuan Ketiga ( $Q_3$ ) dan  $P_{75}$  (7 markah)
- Bina graf Kekerapan Longgokan Poligon. (7 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT